

03/05/1997

Abu Hassan bakal MB Selangor (HL)

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Jumaat - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar hari ini diumumkan sebagai bakal Menteri Besar Selangor, sekali gus menamatkan spekulasi pengganti Tan Sri Muhammad Muhd Taib, yang meletakkan jawatan pada 14 April lalu.

Serentak itu, Abu Hassan (gambar atas), 56, meletak jawatannya sebagai menteri serta mengosongkan kerusi Parlimen Kuala Selangor, berkuatkuasa hari ini dan akan bertanding dalam pilihan raya kecil di kawasan Dewan Undangan Negeri Permatang.

Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang, Datuk Jamaluddin Adnan pula mengosongkan kerusinya untuk bertanding dalam pilihan raya kecil Parlimen Kuala Selangor.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan menentukan tarikh penamaan calon dan pengundian bagi kedua-dua kerusi itu. Dipercayai, ini adalah pertama kali dua pilihan raya kecil serentak membabitkan dua penyandang bertukar kerusi bagi pelantikan Menteri Besar.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mengumumkan perkara itu dalam sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri berkata, Sultan Selangor memberi perkenan dengan pemilihan Abu Hassan selepas namanya dikemukakan dalam pertemuan di Green Lodge, Shah Alam, pagi tadi.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyerahkan kepada saya untuk mengumumkan nama calon Menteri Besar yang baru. Saya sudah menghadap Sultan Selangor dan mengemukakan nama yang ditentukan Perdana Menteri iaitu Datuk Abu Hassan Omar dan nama itu diperkenankan sultan," katanya.

Anwar berkata, kerajaan menyerahkan kepada SPR untuk menetapkan tarikh pilihan raya bagi kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Selangor itu serta berharap Abu Hassan akan memenangi pilihan raya itu dengan cemerlang.

Menurutnya, Perdana Menteri juga sudah memaklumkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor supaya kerja pentadbiran berjalan seperti biasa dengan tiada keputusan dasar atau perubahan besar dibuat sehingga Abu Hassan dilantik menjadi Menteri Besar.

Sepanjang tempoh sehingga pilihan raya kecil nanti, Abu Hassan, yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor akan menumpukan perhatian terhadap pilihan raya Kuala Selangor dan Permatang.

Perdana Menteri juga bersetuju supaya jawatan Kabinet yang dikosongkan oleh Abu Hassan itu dipangku oleh Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed.

Ditanya sama ada Dr Mahathir ada memberitahunya atas dasar apa Abu Hassan dipilih, Anwar berkata, beliau tidak diberitahu apa-apa.

Bagaimanapun, beliau yakin pengalaman Abu Hassan ketika berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan dan sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor menjadikannya sebagai seorang yang cukup senior dan berpengalaman.

Apabila ditanya sama ada pemilihan Abu Hassan itu bermakna ahli Exco dan Adun Selangor yang ada tidak sesuai untuk jawatan Menteri Besar, Anwar berkata: "Perkara itu tidak berbangkit kerana kita kena pilih salah seorang Adun dari Selangor. Jadi kita pilih Abu Hassan untuk bertanding memandangkan kelayakan beliau."

Anwar juga yakin Abu Hassan mampu menstabilkan politik Selangor, manakala kerajaan negeri Selangor akan bekerja sebagai satu pasukan berdasarkan pengakuan Exco dan seluruh anggota Perhubungan Umno Selangor

untuk memberi sokongan padu terhadap keputusan Perdana Menteri.
(END)